

# LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Tindak Malaysia, salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Kecil Pulai (PRK Pulai). Ini merupakan kali kedua belas dalam sejarah Tindak Malaysia, sejak penubuhannya pada tahun 2008, pihak kami memerhati proses pengundian pada Hari Undi Biasa dan penerimaan Undi Pos. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak Malaysia.

## PASUKAN

Pihak Tindak Malaysia hantar seorang Pemerhati yang mempunyai pengalaman dalam bidang Pemerhati - Tan Yiok Hoe. Beliau pernah mewakili Tindak Malaysia untuk program Pemerhati:

- 1) PRK Tanjung Piai 2019
- 2) PRN Johor 2022 (DUN Bukit Pasir)
- 3) PRU 15 (Parlimen Pagoh, Johor)

Beliau juga bertugas sebagai Pemandu Arah Pusat Mengundi (PAPM) untuk DUN Bukit Lanjan, PRN 15 (Selangor) pada bulan Ogos 2022.

Oleh disebabkan Pulai mempunyai 40 daerah mengundi, pihak Tindak Malaysia hanya menempatkan dia untuk pusat - pusat mengundi berikutnya

- 1) SJK ( C ) Foon Yew (Daerah Mengundi Bukit Serene)
- 2) SMK Sultan Ismail (Daerah Mengundi Tarom)
- 3) SMK Aminnudin Baki (Daerah Mengundi Kampong Bahru)
- 4) Maktab Sultan Abu Bakar (Daerah Mengundi Nong Chik)
- 5) SK Nong Chik (Daerah Mengundi Tambatan)
- 6) Sekolah Agama Bandar (Daerah Mengundi Gertak Merah)

Kita bekerjasama dengan pihak Bersih dan Engage untuk mendapat liputan terluas untuk proses pemerhatian.

## CIRI PEMERHATIAN 1: SEBELUM HARI PENGUNDIAN

### Pemerhatian Positif

1. (Tiada Maklumat)

## Pemerhatian Negatif

1. Pihak Tindak Malaysia mendapati pengagihan pusat mengundi untuk beberapa daerah mengundi kurang memuaskan dan menyusahkan pengundi. Berikut adalah senarai pusat mengundi didapati tidak diletakkan pada kedudukan baik:

<b>DAERAH MENGUNDI</b>	<b>PUSAT MENGUNDI</b>	<b>KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI DI DAERAH MENGUNDI</b>
BUKIT INDAH	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG BUKIT SERAMPANG	NUSA INDAH
SRI JAYA	SEKOLAH KEBANGSAAN KG. PASIR	KAMPONG PASIR
PENGKALAN RINTING	DEWAN HASSAN ABDULLAH	KAMPONG PASIR
SKUDAI KIRI	SEKOLAH KEBANGSAAN PENGKALAN RINTING	PENGKALAN RINTING
TAMBATAN	SEKOLAH KEBANGSAAN NONG CHIK	NONG CHIK
BUKIT SERENE	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) FOON YEW 2	TAROM
KAMPONG BAHRU	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AMINUDDIN BAKI	TAROM
BANDAR	SEKOLAH KEBANGSAAN INFANT JESUS CONVENT	NGEE HENG
KAMPONG PAHANG	SEKOLAH KEBANGSAAN ST. JOSEPH	AYER MOLEK
PERMATANG	SEKOLAH AGAMA KEMPAS BAHRU	LEMBAH KEMPAS
TAMAN CEMPAKA	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN CEMPAKA	TAMAN SIANTAN
DENAI	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI KENANGA	TAMAN SIANTAN

TAMAN JOHOR	SEKOLAH AGAMA TAMAN DAHLIA	TAMAN SARIANTAN
TAMAN DAHLIA	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI MELATI	TAMAN SARIANTAN
TAMAN KOBENA	SEKOLAH AGAMA PERUMAHAN MARA	DESA RAHMAT

2. Terdapat beberapa pengundi untuk Daerah Mengundi Bukit Serene yang mengeluh kepada pihak Pemerhati kami bahawa pusat mengundi Bukit Serene terlalu jauh daripada tempat mereka.

## CIRI PEMERHATIAN 2: PENGUNDIAN BIASA

### Pemerhatian Positif

1. Semua pusat mengundi dan saluran yang dikunjungi oleh pemerhati Tindak Malaysia adalah alat bantuan lengkap. Contohnya, tiga kerusi beroda untuk setiap pusat mengundi.
2. Kehadiran pihak pegawai SPR di dalam pusat mengundi (dua untuk setiap pusat mengundi), telah mengurangkan isu-isu yang mungkin tertimbul daripada Penyelia Pusat Mengundi (PPM) atau Ketua Tempat Mengundi (KTM) yang tidak cukup pengalaman.

### Pemerhatian Negatif

1. Terdapat beberapa pusat mengundi di mana di mana tanda arah ke saluran tidak sangat terang. Tambahan lagi, terdapat arahan tertulis menggunakan pen mata bola dan beberapa tanda anda arahan ditampal pada tempat yang tidak sesuai.
2. Terdapat sesetengah KTM kurang kefahaman mengenai peranan pemerhati sewaktu proses pengundian. Kadang-kadang sesetengah KTM salah falam pihak pemerhati adalah ejen parti politik.
3. Untuk sesetengah pusat mengundi, pihak kami mendapati kelebihan bilangan Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP) yang bertugas.

## CIRI PEMERHATIAN 3: PENGIRAAN UNDI

### Pemerhatian Positif

1. Proses pengiraan undi adalah lancar. KTM dan Kerani Mengira Undi (KMU) telah bekerjasama secara efisien dan berkesan sewaktu pengiraan undi.

## Pemerhatian Negatif

1. Jarak antara tempat KMU bertugas dan Ejen Mengira Undi (EMU) adalah sedikit jauah. EMU boleh meminta untuk jarak ini dikurangkan.

## CIRI PEMERHATIAN 4: PERKARA - PERKARA LAIN

### Pemerhatian Positif

1. Pusat mengumpul undi pos adalah kemas dan tersusun. Petugas SPR yang mengendalikan proses ini adalah kompeten dan sedia membantu

### Pemerhatian Negatif

1. (Tiada Maklumat)

## CADANGAN - CADANGAN UNTUK SPR

1. Proses pengagihan pusat mengundi untuk daerah mengundi patut diperbaiki. Untuk setiap daerah mengundi, pihak SPR dan Pegawai Pengurus patut mengenalpasti dua pusat mengundi (yang boleh diakses oleh orang biasa) dalam setiap daerah mengundi
2. Meningkatkan kekerapan dan kedalaman latihan Petugas SPR untuk memastikan pihak KTM tahu peranan Pemerhati. Tambahan lagi, latihan kepada PPM patut diperbaiki dan dipanjangkan untuk mengurangkan situasi perancangan yang lemah dari segi susun atur pusat mengundi

**SEKIAN, TERIMA KASIH  
MAKLUMAT OLEH  
TAN YIOK HOE  
PEMERHATI PULAI  
TINDAK MALAYSIA**

**DISUNTING OLEH:  
DANESH PRAKASH CHACKO  
PENGARAH  
TINDAK MALAYSIA**

13.9.2022